

Bahagian Teknologi Maklumat

Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang,

Blok C, Wisma Sri Pahang,

Jalan Masjid,

25503 KUANTAN.

NOTIS SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : SUK.PHG.SHA.02/2019 (BTM)

TAJUK SEBUT HARGA : SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER/DAKWAT MESIN PENCETAK UNTUK PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG TAHUN 2019

- 1 Sebut Harga dipelawa daripada pembekal / kontraktor bertaraf Bumiputra yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** di bawah bidang / sub bidang / pecahan bidang **020601**.
- 2 Dokumen Sebut Harga boleh didapati mulai **09 Januari 2019 (Rabu)** di **Seksyen Pentadbiran, Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Blok C Wisma Sri Pahang, Jalan Masjid, 25503 Kuantan** dengan mengemukakan **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Pendaftaran Bumiputra** yang asal dan masih sah tempoh lakunya untuk semakan **sebelum** membuat pembayaran.
- 3 Dokumen Sebut Harga akan hanya dikeluarkan kepada pembekal / kontraktor atau wakil yang sah sahaja. **Wakil** yang ditakrifkan dalam ayat ini ialah **orang yang diberi kuasa dan namanya tidak tercatat dalam sijil pendaftaran sebagai ahli lembaga syarikat**. Bagi maksud ini, wakil hendaklah membawa bersama **surat wakil daripada syarikat**.
- 4 Satu taklimat berkaitan dengan sebut harga tersebut akan diadakan pada **09 Januari 2019 (Rabu)** pada jam **11.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Utama BTM, Tingkat 1 Blok C, Wisma Sri Pahang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang**, kehadiran adalah **diwajibkan**.
- 5 Bayaran sebanyak **RM20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Sahaja)** melalui **Wang Pos / Bank Deraf** yang berpaling atas nama **SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG** hendaklah dibuat di **Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Tingkat 1, Blok B Wisma Sri Pahang, 25503 Kuantan** untuk mendapatkan resit pembayaran.
- 6 Sila kemukakan resit pembayaran untuk mendapatkan Dokumen Sebut Harga di **Seksyen Pentadbiran, Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Blok C Wisma Sri Pahang, Jalan Masjid, 25503 Kuantan**.
- 7 Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Seksyen Pentadbiran, Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Blok C Wisma Sri Pahang, Jalan Masjid, 25503 Kuantan** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **21 Januari 2019 (Isnin)**.